

TARIKH : 7 MAC 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Negeri ramai miskin tegar digesa sertai IPR – Rafizi

Negeri ramai miskin tegar digesa sertai IPR - Rafizi

Oleh MOHAMAD HAFIZI
MOHD SAID
ekonomiutusan@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memanggil pimpinan dan wakil rakyat dari 20 buah daerah dalam negara bagi mendapatkan lebih banyak penyertaan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dalam kalangan miskin tegar dan B40.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, 20 daerah berkenaan melibatkan lima negeri paling ramai miskin tegar iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis, Sabah dan Sarawak sejak IPR dilancarkan bulan lalu.

“Kementerian akan memanggil pimpinan daripada pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil rakyat dan juga agensi terbabit dari daerah-daerah termiskin di Malaysia.

“Antaranya mereka dari daerah Tongod, Pitas, Kota Marudu, Beluran, Kudat, Telupid, Pusa, Nabawan, Kota Belud, Jeli, Kinabatangan, Kuala Krai, Gua Musang, Bachok, Pasir Mas, Tumpat, Besut, Marang, Hulu Terengganu, Machang dan Dungun,” katanya dalam sidang akhbar, di sini, semalam.

Menurut Rafizi, beliau akan



MENTERI Ekonomi, Rafizi Ramli (kanan) berbual dengan Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin (kiri) selepas sidang akhbar Penerbitan Indeks Harga Pengguna (IHP) Januari 2023 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengatur perjumpaan tersebut dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

“Saya berharap perkara ini tidak dipolitikkan dan saya menjemput wakil rakyat dari negeri pembangkang untuk

bersama melibatkan diri kerana kita memerlukan kerjasama semua pihak.

“Kita akan membuka pintu seluasnya agar kita dapat melihat kesesuaian setiap program dan aktiviti penjana pendapatan yang mahu diusahakan

oleh penerima dari kawasan terlibat,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai IPR, Rafizi berkata, seramai 22,319 pengguna sah telah mendaftarkan diri di laman web sejak IPR dilancarkan pada 26 Februari lalu.